

## Apa kata mereka

"DAKWAH janaan merupakan pendekatan yang berkesan dalam menarik golongan sasaran terutamanya generasi Y dalam mendekati agama Islam kerana pendekatan yang santai dan mudah diterima oleh semua lapisan masyarakat termasuk bukan Islam.



"Oleh itu, program seumpama ini perlu dilakukan oleh semua pihak dalam turut sama menzahirkan kesempurnaan dan keterbukaan agama Islam yang membawa kesejahteraan terhadap seluruh masyarakat," katanya.

Pengarah Urusan Kumpulan Utusan,  
**DATUK MOHD. NOORDIN ABBAS**

"MUZIK janaan atau buskers kini semakin mendapat perhatian orang ramai. Mengambil kesempatan daripada itu kita perlu menggunakan ia kepada cara yang baik iaitu berdakwah.



"Bersifat santai, bacaan selawat dan lagu puji-pujian kepada Allah dan rasul itu secara tidak langsung dapat mengajak orang ramai untuk turut sama berselawat," katanya.

Pemain muzik,  
**MUHAMMAD JAMAL RAFAIE JAKIRAN**

"DAKWAH janaan berbentuk tarikan seni ini bukan perkara baharu malah telah dilakukan oleh salah seorang daripada ahli Wali Songo yang menggunakan muzik sebagai tarikan berdakwah kepada kelompok masyarakat.



"Selain dapat meningkatkan kemahiran pendakwah dalam mendekati orang ramai, ia juga dapat menambah keyakinan mereka untuk menghadapi realiti kehidupan sebenar apabila keluar di dunia realiti," katanya.

Pengarah Pusat Kebudayaan USIM,  
**ISMAIL AHMED**

"SAYA telah melakukan kerja dakwah di janaan ini sejak di peringkat sekolah menengah melalui kelab kepimpinan yang disertai. Walaupun pada mulanya merasa takut untuk berhadapan dengan orang ramai, namun lama-kelamaan ia semakin terbiasa.



"Melakukan street dakwah ini bukan untuk menyatakan kita betul dan orang lain salah atau mengajak orang untuk mengikut kita, tetapi sekadar berkongsi mengenai Islam kepada bukan Islam manakala bagi orang Islam bagi memperingati dan menambah baik amalan Islam," katanya.

Pendakwah,  
**HANNAN AMINUDDIN**

# Transformasi dakwah

Mempunyai sasaran tertentu, pendekatan dakwah janaan semakin diterima umum

Oleh **MOHD. SHAH CHE AHMAD**  
agama@utusan.com.my

JIKA suatu ketika dahulu dilihat janggal, malah dirasakan rimas ketika ingin didekati, namun kaedah dakwah janaan atau lebih dikenali *street dakwah* kini semakin mendapat tempat dalam kalangan pendakwah dan juga masyarakat awam.

Membawakan pendekatan serta penampilan kontemporari, menjadikan misi yang dibawa oleh golongan sukarelawan yang turun padang untuk menyampaikan dakwah di kawasan umum itu semakin mudah diterima oleh masyarakat termasuk golongan bukan Islam.



**MOHAMAD RAFFIE JAAFAR**

Bukan sahaja dilakukan oleh pertubuhan dakwah bukan kerajaan dan badan kerajaan, malah usaha itu turut mendapat kerjasama yang menggalakkan dari institusi masjid, pusat pengajian tinggi serta individu bagi bersama-sama mengadakan kaedah baharu dakwah itu.

Ia merupakan perubahan positif terhadap transformasi dakwah di negara ini dalam usaha memberi pendedahan terhadap agama Islam, di samping mengajak lebih ramai masyarakat kembali kepada ajaran



**MOHD. NOORDIN ABBAS** turut serta dalam program *Street Dakwah* anjuran USIM baru-baru ini dengan menyampaikan sajak.

Islam dan orang bukan Islam untuk memeluk Islam.

Mengakui fenomena itu, Setiausaha Pertubuhan Amal Firdausi, (Pafi), **Mohamad Raffie Jaafar** berkata, *street dakwah* membolehkan pendakwah bebas berdakwah secara terbuka dengan mendekati golongan sebaya dan senasib dengan mereka.

Beliau yang juga pernah terlibat dalam golongan mak nyah berkata, menerusi pengalaman yang dilalui, penyampaian dalam mengajak golongan sasaran untuk kembali ke pangkal jalan itu menjadi lebih mudah diterima dan berkesan.

Ia tambahnya, sekali gus mengubah persepsi orang ramai terhadap konsep dakwah yang tertutup iaitu hanya dilakukan di masjid dan surau menerusi penyampaian ceramah.

"Secara logiknya, golongan yang

bermasalah ini sudah pasti tidak akan mengunjungi masjid atau surau, apatah lagi menghadiri ceramah yang diadakan di rumah ibadah itu. Ia secara tidak langsung membataskan penyampaian dakwah yang tertumpu kepada golongan tertentu sahaja.

"Tetapi, menerusi kaedah *street dakwah* ini, pendakwah sendiri turun padang ke tempat awam dan berjumpa terus kepada orang ramai dengan pelbagai latar belakang. Ini membolehkan dakwah disampaikan dengan lebih terbuka dan meluas.

"Malah, pengalaman lalu yang dialami oleh pendakwah atau sukarelawan itu sendiri menjadi nilai tambah buat mereka dalam mendekati golongan senasib dan saling berkongsi usaha untuk berubah," katanya ketika ditemui pada program *Street Muzikal: Gema Janaan*, di ibu negara, baru-baru ini.

## DAKWAH MUZIKAL

Pada program sehari itu, sukarelawan turut mengedarkan poster dan risalah mengenai agama Islam selain melakukan demonstrasi pemakaian tudung kepada orang ramai.

Raffie berkata, mengambil pendekatan dakwah menerusi hiburan, kaedah dakwah secara muzikal itu diyakini lebih mudah diterima oleh orang ramai kerana bertepatan dengan fitrah manusia yang sukakan kepada hiburan.

"Konsep *street muzikal* ini dipilih kerana bersesuaian dengan naluri manusia terutamanya golongan belia, yang dilihat mudah tertarik kepada hiburan berbanding melalui ceramah.

**STREET dakwah** membolehkan pendakwah bebas berdakwah secara terbuka dengan mendekati golongan sasaran tertentu.

Dalam program ini, sukarelawan yang terlibat akan memainkan alat muzik sambil berselawat dan menyanyikan lagu berunsur ketuhanan di lokasi tumpuan orang ramai.

"Walaupun tidak dapat bercerita panjang kepada orang ramai, sekurang-kurangnya dalam pertemuan yang singkat dalam program dakwah janaan ini kita mengajak orang ramai untuk berselawat dan mengingati Rasulullah SAW bukan hanya pada sambutan Maulidur Rasul," ujarnya.

Tidak hanya dilakukan oleh pertubuhan dakwah kerajaan mahupun bukan kerajaan yang bertanggungjawab, trend dakwah janaan turut memabitkan penglibatan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad** berkata, selain menyampaikan dakwah kepada masyarakat, program *street dakwah* secara tidak langsung dapat melatih kemahiran, keyakinan dan kepimpinan pelajar mengenai realiti kehidupan luar sebenar.



**DR. MUSA AHMAD**

Beliau yang ditemui ketika mengadakan Program USIM Street Dakwah di Pasar Seni, Kuala Lumpur baru-baru ini berkata, menasaskan dakwah kepada golongan remaja, program yang turut mendapat kerjasama daripada Kumpulan Utusan Melayu itu mengetengahkan kaedah seni dalam dakwah.

"Penglibatan USIM dalam program dakwah janaan ini merupakan salah satu sumbangan warga IPT termasuk kakitangan dan juga pelajar dalam dakwah kepada masyarakat.

"Selain menyampaikan mesej dan berkongsi maklumat mengenai agama Islam kepada orang ramai, program ini secara tidak langsung mendedahkan kepada mahasiswa USIM tentang peranan serta pendedahan diri mereka sebagai persediaan apabila tamat daripada belajar.

"Membawakan pendekatan dakwah menerusi hiburan seperti muzik, nyanyian, qasidah dan puisi berteraskan Islam, kita menyakini mampu menarik pengunjung yang hadir ke kompleks ini terutamanya golongan muda mengenai Islam," katanya.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Che Azidah Che Rasyid dan Pengurus Pengarang Pendidikan Utusan Malaysia, Wahid Hashim.

Antara yang turut hadir mengadakan persembahan pada program itu termasuk pelajar daripada kumpulan kebudayaan USIM, Siso Koprata, kumpulan I'm Muzika, USIM Buskers, Perkusirama serta Akusukabuskers.

Gambar ZAINI HUSIN



**STREET dakwah** mengajak orang sekeliling mengingati Allah SWT secara tidak langsung.